



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
ARAS 2-7, BLOK K, PUSAT BANDAR DAMANSARA
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2094 0892

Rujukan Kami : JKT.D.100-1/3/2 (39)
Tarikh : 27 Oktober 2010

PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BILANGAN 2 TAHUN 2010

INDIKATOR BARU SISTEM STAR RATING
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SSR-PBT)

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai indikator baru Sistem *Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

LATAR BELAKANG

2. Berikutan daripada pelaksanaan SSR-PBT pada tahun 2008, KPKT telah menjalankan proses semakan semula indikator SSR-PBT berdasarkan kepada terma-terma berikut:

- (i) menggugurkan indikator yang tidak relevan;

- (ii) mewujudkan indikator baru; dan
- (iii) menambah baik indikator sedia ada.

INDIKATOR BARU SSR-PBT

- 3. Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-63 (MNKT Ke-63) pada **2 September 2010** telah bersetuju dengan 354 indikator baru SSR-PBT yang berasingan antara Dewan/Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran dengan Majlis Daerah bagi tujuan penilaian tahun 2010.
- 4. Indikator baru SSR-PBT tahun 2010 adalah seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2**.

TARIKH KUATKUASA

- 5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, **Lampiran 1 kepada Pekeliling Bil.1 Tahun 2008 bertarikh 1 April 2008** berhubung indikator SSR-PBT adalah **terbatal**.

PERTANYAAN

- 6. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung pekeling ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Jabatan Kerajaan Tempatan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 4, Blok K
Pusat Bandar Damansara
50782 Kuala Lumpur
(u.p.: Bahagian Dasar dan Kemajuan Kerajaan Tempatan)
No. Telefon : 03-2099 2462/3046/3048

PENUTUP

7. Pemakaian peruntukan pekeling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT di Semenanjung Malaysia.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan ”

Yang Ikhlas,



~~(DATO' AHMAD BIN HJ. KABIR)~~

~~Ketua Setiausaha~~

~~Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan~~

27 Oktober 2010

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semenanjung Malaysia

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan
Semenanjung Malaysia